

'Undang-undang tidak membenarkannya ditunda'

Pilihanraya di Sabah akan diteruskan - PM

UM 17 OCT 1990
MELAKA 16 Okt. - Pilihanraya Parlimen di Sabah akan diteruskan kerana undang - undang tidak membenarkan ia ditunda, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya ingat tak boleh tunda kerana undang - undang tidak benarkan," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan 'Graha Maju', pejabat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Melaka dan

Lembaga Air Melaka di sini.

Beliau mengulas hasrat Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun yang mahu Suruhanjaya Pilihanraya menangguhkan pilihanraya di negeri itu untuk membolehkan USNO melawan Parti Bersatu Sabah (PBS) setelah PBS mengumumkan keluar daripada Barisan Nasional semalam.

Pilihanraya Parlimen di Sabah ditetapkan pada 20 dan 21 Oktober.

Perdana Menteri juga berkata, sebarang tunjuk perasaan secara aman seperti yang dihasratkan oleh USNO, tidak dibenarkan.

Katanya, beliau akan mendengar apa yang diperkatakan oleh Tun Datu Mustapha yang akan menemuinya esok.

Ketika diberitahu bahawa Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah kini begitu yakin memenangi pilihanraya ini malah boleh membentuk kerajaan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata: "Kita tengoklah siapa yang betul. Dia yang betul atau kita yang betul?"

Sementara itu, ketika berucap di majlis perasmian itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, Barisan Nasional (BN) tidak memerlukan pemimpin yang tamak dan tidak mahu menolong orang lain.

Beliau menyifatkan golongan tersebut sebagai tidak berjiwa Malaysia dan tidak layak berada dalam BN.

"Orang yang tamak seperti itu lebih baik tidak dalam BN. Orang yang berada dalam BN adalah orang yang sederhana dan tidak ekstrim," tegas beliau, sebagai mengulas tindakan Ketua Menteri Sabah membawa PBS keluar dari BN.

Beliau menambah, orang yang tidak sanggup menerima keputusan — dia hendak bagi dirinya walaupun tidak dapat diberi, orang macam itu adalah ekstrim dan adalah lebih baik mereka berada luar daripada BN.

"Masa dulu waktu dia tak ada minyak, dia rela terima bantuan wang daripada negeri-negeri yang mempunyai minyak yang dikutip oleh Kerajaan Pusat.

"Kita bantu kerana masa itu dia tak ada minyak — bila dia ada minyak, minyak semua dia punya, tak mahu bagi kepada orang lain.

"Kalau dulu sebelum dia ada minyak, dia kata bayarliah royalti banyak-banyak kepada Sarawak dan Terengganu, hari ini kita rela beri kepada dia," jelas beliau.

Beliau berkata, sikap seperti itu tidak berjiwa Malaysia.

Kata Perdana Menteri, semua pihak harus saling bantu membantu antara yang miskin dan kaya.

"Apa akan jadi kepada orang miskin dalam negara kita ini kalau orang yang kaya kata, kekayaan kami adalah untuk kami semata-mata, tidak untuk orang lain, tak hendak bayar cukai," tanya Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau berkata, BN mengamalkan falsafah sanggup bekerjasama kerana falsafah inilah kerajaan dapat membangun dan memajukan negara sehingga menjadi contoh di antara negara membangun.

Perdana Menteri mengulangi peritanya BN memperoleh majoriti 2/3 dalam pilihanraya umum ini bagi membolehkan pembangunan dijalankan tanpa diganggu-gugat oleh mana-mana pihak.